

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sorotan literatur ialah proses rujukan dan tinjauan terperinci mengenai kajian berkaitan dengan kajian yang bakal dilakukan. Ini juga bertujuan membantu pengkaji dalam menentukan kehendak tajuk dan masalah selain kajian terbaik untuk dijadikan rujukan dan sampel. Bab ini menjelaskan beberapa kajian yang membincangkan faktor berkaitan objektif kajian. Di dalam bab ini juga, akan dijelaskan faktor-faktor yang penting dalam pembacaan literatur yang merangkumi perkembangan al-Quran Braille di Malaysia, kaedah pengajaran al-Quran Braille dan isu serta cabaran yang dihadapi dalam pembelajaran al-Quran Braille secara keseluruhan. Selain itu, beberapa kajian lepas yang berkaitan turut dibincangkan secara ringkas bagi melihat perbandingan kajian ini dengan kajian yang lalu. Kajian literatur ini membantu untuk memahami latar belakang kajian yang dijalankan dengan lebih jelas dan terperinci.

2.2 Perkembangan Al-Quran Braille di Malaysia

Penghasilan al-Quran Braille adalah salah satu kaedah alternatif untuk komuniti OKU MP dalam menginteraksi dengan al-Quran. PERTIS pula merangkap sebuah persatuan yang bertanggungjawab dalam perkembangan al-Quran Braille di Malaysia dan telah mendapat pengiktirafan pada peringkat nasional. PERTIS mencapai kejayaan yang luar biasa dengan menerbitkan al-Quran Braille, menggunakan sumber al-Quran yang diterbitkan oleh negara Indonesia serta mendapat pengiktirafan oleh pihak JAKIM dan KDN (Norakyairee et al., 2013).

Kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad Kamel et al. (2008) menyatakan bahawa evolusi pelbagai kod Braille yang didokumentasikan oleh UNESCO, sebuah entiti yang dihormati yang beroperasi di bawah naungan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mendapati bahawa kod Braille Arab telah dilaksanakan seawal tahun 1960-an. Diandaikan penggunaan al-Quran Braille di beberapa negara Islam di Timur Tengah bermula pada awal tahun 1950-an. PERTIS menyatakan bahawa salinan Mashaf al-Quran Braille yang paling awal tiba di Malaysia sekitar tahun 1952 yang disumbangkan oleh Jordan kepada Sekolah Pendidikan Khas (SKPK) Princess Elizabeth di Johor Bahru. Mashaf tersebut mempunyai enam jilid (30 Juzuk) dan setiap jilid mengandungi lima juzuk al-Quran dengan cetakan *double sided* (Hampshire 1981; Zakaria, 2008). PERTIS juga memperolehi naskah al-Quran Braille dari Mesir pada 1964, Tunisia pada 1976 dan Indonesia pada 1970-an. Ini menunjukkan permulaan pendidikan dan penerokaan al-Quran Braille di Malaysia (Muhammad Mustaqim, 2013). Kemunculan dan kewujudan mashaf al-Quran Braille di tanah air ini telah menjadi titik permulaan kemajuan dan pengembangan pendidikan al-Quran Braille di Malaysia.

Pada 1994, penghasilan al-Quran Braille dengan menggunakan kod Braille berkomputer telah berjaya dihasilkan oleh Zakaria Yahya dan Muhammad Lee Abdullah (Anisah et al., 2022). Peristiwa ini mencatatkan sejarah penting dalam komuniti OKU MP di negara ini. Usaha mulia ini adalah satu kesinambungan daripada perjuangan beberapa rakan OKU MP bagi memastikan bahawa keperluan mereka dalam pengajaran al-Quran tidak diabaikan. Karya ini bermula pada 1990-an, apabila kemajuan perintis dalam teknologi komputer telah dimanfaatkan yang membolehkan komuniti OKU MP menyalin ayat-ayat suci al-Quran Braille dengan mudah. Menurut Noornajihan & Kauthar (2008) dalam penulisannya mengatakan

bahawa sebelum mencetak dengan menggunakan mesin Embosser, Muhamad Lee Abdullah mempelajari sendiri dahulu cara dan metodologi penggunaan perisian Duxbury Translator (DBT) untuk menukar kod aksara papan kekunci komputer kepada kod Braille. Dalam tempoh tiga bulan, beliau berjaya menyelesaikan pertukaran kod Braille al-Quran Indonesia kepada kod Braille berkomputer. Seterusnya, proses semakan bacaan dan tanda bacaan dilakukan bersama pihak JAKIM yang mengambil masa selama empat tahun sehingga berjaya diluluskan dan diterbitkan pada 1998 (Norakyairee et al., 2013).

Pada tahun 1998 juga, DBP telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran*. Buku ini dibangunkan oleh Jawatankuasa Kod Braille al-Quran al-Karim dengan kerjasama KPM sejak 1983. Ia adalah sesuatu yang baru dalam pendidikan khas bukan sahaja di negara kita, malah di seluruh dunia (Norakyairee, 2019). Sistem penulisan al-Quran Grade 2 digunakan iaitu sistem penulisan secara ringkas. Huruf dan baris tidak lagi ditulis secara terpisah, tetapi disatukan dengan tanda-tanda khas. Namun, setakat ini, buku ini belum dipraktikkan di sekolah atau institusi kebajikan bagi mereka yang cacat penglihatan. Ini kerana jika dibandingkan dengan al-Quran Braille yang diterbitkan oleh PERTIS Grade 1, terdapat beberapa batasan yang menyukarkan OKU MP untuk memahami dan menguasainya (Anisah et al., 2022).

Oleh itu, memahami keadaan OKU MP dan menguasai sistem tulisan Braille adalah langkah pertama untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama, terutamanya dalam konteks penghayatan dan amalan agama bermula daripada bacaan al-Quran yang betul dan sempurna (Muhammad Mustaqim, 2013).

2.3 Kaedah Pengajaran Al-Quran Braille

Proses PdP yang berkesan memerlukan interaksi dua hala di antara guru dan pelajar. Beberapa keadaan seperti emosi guru dan pelajar, kitaran bilik darjah dan cara penyampaian maklumat kepada pelajar memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran proses PdP (Dalip, 1992). Untuk kaedah PdP yang berkesan, ia perlu mematuhi piawaian pengajaran, penghasilan output dan menepati objektif yang ditetapkan. Proses pengajaran berlaku apabila pelajar memberi tumpuan kepada isi yang disampaikan oleh gurunya. Jika terdapat tindak balas dan idea baru yang dapat ditimbulkan sewaktu pembelajaran, ini bermaksud murid tersebut mampu memanipulasi kemahiran kognitifnya secara sebenar. PdP bagi OKU memerlukan kemahiran dan kaedah yang sesuai untuk tahap mental mereka (Siti Patonah et al., 2012). Pendidik perlu lebih bersedia menghadapi kumpulan ini berbanding dengan pelajar tipikal kerana perbezaan kemampuan dari segi mental dan fizikal. Namun begitu, sesetengah ibu bapa tidak menghantar anak-anak kelainan upaya ke sekolah harian biasa kerana khuatir tingkah laku anak-anak mereka yang berbeza daripada murid-murid lain akan menimbulkan pelbagai perkara negatif (Samadi et al., 2013).

Terdapat beberapa pendekatan yang digunakan dalam pengajaran al-Quran Braille kepada OKU MP seperti pusat pengajian al-Quran di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB) yang terletak di Brickfield Kuala Lumpur. Program pengajaran distrukturkan kepada dua tahap dan setiap tahap itu merangkumi sukatan pelajaran yang berbeza. Pendekatan pengajaran akan disesuaikan mengikut keperluan dan kebolehan setiap pelajar. Tahap Satu adalah pembelajaran asas al-Quran Braille. Kebanyakan pelajar yang mengikuti kelas ini kurang pengetahuan tentang al-Quran malah tidak menguasai kod Braille al-Quran secara sempurna. Jadi, mereka akan


memulakan pembelajaran dengan mempelajari huruf *hija'iyah* Braille serta simbol yang terkandung di dalam al-Quran dengan menggunakan Iqra Braille yang dihasilkan oleh Institusi al-Quran Braille (IQ Braille) dengan kerjasama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM dan PERTIS. Setelah tamat pembelajaran IQRA, mereka meneruskan dengan membaca *Muqadam*. Manakala, pada Tahap Dua, pelajar akan mempelajari al-Quran Braille dengan bertalaqqi bersama guru mereka. Dalam kelas lanjutan ini, guru akan lebih memfokuskan pada bacaan tajwid dan mentadabbur ayat-ayat al-Quran yang dipelajarinya (Mohd Khairi, 2013).

Hasil kajian daripada Ahmad Yunus (2016) telah menyimpulkan bahawa kaedah pengajaran al-Quran di Kompleks MAB terbahagi kepada tiga kaedah iaitu; (1) kaedah bacaan pelajar, (2) kaedah *talaqqi* dan *mushāfahah*, yang melibatkan latihan pengucapan kalimat secara berulang-ulang, dan (3) kaedah koreksi makhraj serta tajwid. Pendekatan metode yang digunakan ini tidak semestinya mengikut urutan dengan mempertimbangkan batasan waktu dan keadaan.

Terdapat juga kajian yang dilakukan oleh Anisah et al. (2022) dan Zetty Nurzulaiana et al. (2021) berkaitan pendidikan al-Quran Braille bagi OKU MP. Beberapa kaedah yang digunakan dalam melaksanakan PdP al-Quran Braille iaitu; (1) kaedah sentuhan dan visual, (2) kaedah menghafaz menggunakan audio, (3) kaedah bacaan murid, (4) *talaqqi* dan *mushāfahah*, (5) kaedah pembedaan makhraj dan tajwid, (6) kaedah penerangan dan (7) kaedah latih tubi serta pengulangan.

Selain itu, kajian pendekatan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran al-Quran MBPK MaL terbahagi kepada empat fasa iaitu; fasa mengenal huruf al-Quran Braille, fasa menghafaz dengan menggunakan kekuatan deria dengar MBPK

MaL, fasa membaca secara *talaqqi* dan *mushāfahah* berpandukan Iqra' versi Braille atau al-Quran Braille dan fasa menjelaskan isi kandungan ayat atau terjemahan ayat. Teknik latih tubi dan pengulangan juga digunakan bagi mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman murid secara berperingkat-peringkat (Norakyairee, 2019). Berikut adalah rumusan kaedah pengajaran al-Quran OKU MP:-



Rajah 2.1: Kaedah Pengajaran Al-Quran OKU MP

2.4 Isu dan Cabaran Guru Al-Quran Braille

Setiap guru pasti menghadapi cabaran dalam mendidik anak bangsa, tidak terkecuali juga para pendidik yang mendidik pelajar OKU khususnya MBPK MaL. Mereka lebih menghadapi cabaran dalam membina generasi OKU. Antara isu dan cabaran yang dikenal pasti melalui kajian lepas yang dihadapi oleh guru dalam mendidik pelajar OKU adalah seperti berikut:

2.4.1 Masalah Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan

MBPK MaL menghadapi pelbagai cabaran dalam mempelajari al-Quran. Antaranya ialah kurang penguasaan terhadap huruf Arab jawi dan *hija'iyah*, keupayaan menguraikan kod-kod al-Quran Braille terhad dan tidak kukuh dalam menguasai asas pemahaman al-Quran. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti pengajaran guru dengan lancar (Norakyairee et al., 2013; Hajarul Bahti et al., 2010). Kajian juga mendapati penguasaan al-Quran Braille daripada MBPK buta lebih mahir berbanding MBPK rabun, kerana penulisan al-Quran yang bersambung-sambung memberi cabaran kepada MBPK rabun untuk memahami huruf-hurufnya yang rumit. Akibatnya, kesusahan ini menjadikan mereka bosan dan tidak berminat, lebih parah lagi, ia menghalang keupayaan mereka untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam pengajian al-Quran (Norakyairee et al., 2013).

Beberapa kajian telah dijalankan terhadap OKU MP berkaitan dengan isu penguasaan al-Quran yang berada di tahap yang lemah. Merujuk kepada kajian lepas yang telah dijalankan kelemahan yang telah dikenal pasti adalah merangkumi aspek penguasaan huruf *hija'iyah*, penguasaan al-Quran Braille, kelancaran dalam membaca al-Quran dan pengetahuan tajwid (Zetty Nurzuliana, 2021). Tahap kesediaan pelajar juga lemah dalam mempelajari Iqra Braille. Penganjuran kelas pengajian al-Quran di Komplek MAB mendapati ramai pelajar yang mengikuti kelas pengajian di kelas Tahap Satu tidak menguasai asas dalam kod Braille al-Quran dan kurang pengetahuan berkaitan al-Quran. Maka, mereka perlu mengenali huruf Braille *hija'iyah* terlebih dahulu. Disebabkan itu, proses PdP memakan masa yang lama kerana guru akan mengajar kod Braille kepada setiap pelajar 'face to face' sehingga kod tersebut dikuasainya sebelum beralih kepada buku Iqra Braille (Nik Ahmad Farid et al., 2023).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Zetty Nurzuliana (2021), mendapati sesetengah guru di pusat pengajian al-Quran hanya mengajar al-Quran Braille dengan kaedah *talaqqi* dan *mushāfahah* sahaja. Di samping itu, guru juga hanya menggunakan mashaf al-Quran biasa ketika *bertalaqqi* bersama MBPK MaL. Ini jelas membuktikan bahawa pendekatan ini tidak dapat membantu sesetengah MBPK MaL yang masih tidak mahir tentang asas Braille untuk membaca al-Quran dengan lancar dan berkesan. Manakala, menurut Khadijah (2008 dalam Norakyairee, 2019), mengatakan bahawa sebanyak 42% MBPK MaL mencapai tahap sederhana dalam fasih membaca al-Quran. Selain itu, kajian oleh Hajarul Bahti et al. (2012), juga membuktikan 83.5% murid lemah dalam bidang al-Quran seperti tidak menguasai pengetahuan tajwid secara menyeluruh dan kurang lancar dalam bacaan tilawah al-Quran.

2.4.2 Kemahiran Guru Terhadap Penggunaan Al-Quran Braille

Sudah menjadi debatan ilmiah dalam kalangan sarjana tentang komponen yang baik dan yang seharusnya digunakan semasa kaedah pengajaran guru. Hal ini bertujuan mewujudkan budaya pembangunan profesional yang berkembang dalam sistem pendidikan (Ahmad Yunus & Ab. Halim Tamuri, 2010). Guru perlu menerokai dan menguasai ilmu sebaik mungkin bagi memastikan mereka menguasai bidang tersebut dan mengetahui kaedah yang terbaik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Peningkatan pengetahuan dan pengalaman adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran, khususnya dalam aspek PdP bagi MBPK dalam arus Pendidikan Khas Negara (Norakyairee et al., 2012; Nik Ahmad Farid et al., 2023).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa

terdapat halangan yang ketara yang dihadapi oleh guru khususnya mereka yang baru mengajar MBPK MaL. Antara cabaran yang perlu mereka hadapi ialah kurang pengetahuan berkaitan al-Quran Braille. Pada peringkat awal menjadi guru, sesetengah daripada mereka tiada mempunyai asas kemahiran dalam al-Quran Braille kerana tiada pendedahan sepanjang menjalani latihan perguruan. Bahkan, mereka juga kurang mendapat panduan terutamanya berkaitan pengajaran al-Quran Braille, semasa latihan perguruan dan meskipun sepanjang tempoh mengajar mereka di Sekolah Pendidikan Khas (Norakyairee et al., 2013).

Hasil temu bual yang dilakukan terhadap empat orang guru al-Quran dalam kajian pengajaran al-Quran bagi MBPK MaL daripada Hajarul Bahti et al. (2010) mendapati bahawa seorang sahaja guru yang menggunakan al-Quran Braille manakala tiga orang lagi tidak menggunakan al-Quran Braille dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Guru tersebut pernah didedahkan dengan asas al-Quran Braille semasa latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Islam (Pendidikan Khas). Walau bagaimanapun, guru yang telah memasuki sekolah pendidikan khas perlu belajar secara sendiri supaya dapat melaksanakan pengajaran dengan sebaiknya.

2.4.3 Masa Pengajaran Terhad

Masalah yang dihadapi dalam pengajaran Tilawah al-Quran MBPK MaL ini adalah kekangan masa. Guru tidak dapat memberikan perhatian sepenuhnya dalam pengajaran Tilawah al-Quran secara khusus, sebaliknya guru lebih tertumpu untuk menghabiskan sukatan pelajaran bagi menghadapi peperiksaan. Penekanan terhadap Tilawah al-Quran agak kurang tetapi penumpuan lebih kepada komponen yang lain. Kesannya, pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar tidak dapat dipertingkatkan

dengan baik (Hajarul Bahti et al., 2010).

Disebabkan penekanan terhadap Tilawah al-Quran agak kurang, segelintir guru mengambil tanggungjawab dengan melaksanakan kelas inisiatif di luar waktu persekolahan untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap al-Quran Braille. Namun, usaha ini terhad kepada sekolah berasrama penuh, kerana sekolah harian perlu mengikuti sistem persekolahan yang mengutamakan waktu bilik darjah (Nik Ahmad Farid et al., 2023; Norakyairee et al., 2013).

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan oleh Ahmad Yunus (2016), mendapati bahawa masa pengajaran terhad dan tidak mencukupi untuk mengajar al-Quran Braille. Para pengajar di kelas pengajian al-Quran Braille anjuran PERTIS dan JAWI kebanyakannya merupakan guru di Pusat latihan Gurney, MAB. Maka, kelas terpaksa diadakan pada hujung minggu sahaja iaitu dua kali sebulan. Tetapi, pelajaran akan diadakan seminggu sekali sekiranya guru mempunyai tugas lain yang perlu diutamakan.

2.4.4 Kekurangan Bahan Bantu Mengajar

Guru Pendidikan Islam menghadapi masalah kekurangan BBM dalam Tilawah al-Quran. Walaupun terdapat pelbagai sumber rujukan dalam bentuk Braille, namun ia tersedia pada mata pelajaran lain dan tidak khusus pada mata pelajaran Pendidikan Islam terutamanya teks al-Quran dan bahan rujukan tajwid dalam tulisan Braille. Bahkan, penggunaan mashaf al-Quran Braille juga terhad dalam kalangan pelajar. Hal ini meyakinkan lagi proses PdP guru dengan MBPK MaL. Bagi mengatasi permasalahan ini, semua pihak yang terlibat perlu bersama dan berusaha ke arah meningkatkan ketersediaan bahan Braille khususnya dalam bidang tilawah al-Quran

dan perkara-perkara berkaitan (Hajarul Bahti et al., 2010).


Seterusnya, GPI tidak mempunyai BBM daripada sumber pengajaran al-Quran yang luas. Pengajaran memfokuskan hanya kepada penggunaan Al-Quran Braille dan Mesin Perkins Braille. Disebabkan ini, tidak banyak bahan pendidikan al-Quran bertulisan Braille yang boleh digunakan sebagai rujukan, seperti bahan ilmu Tajwid, buku teks Pendidikan Islam, Tafsir al-Quran dan lain-lain (Norakyairee et al., 2013).

Pada tahun 1998, DBP telah menerbitkan sebuah buku berjudul *Kod Braille Wasilah Bacaan al-Quran*, yang membentuk kaedah bacaan al-Quran Braille Gred 2 (Noornajihan & Kauthar, 2008). Namun begitu, GPI masih belum menerapkan penggunaan buku ini, kerana ia secara khusus menggunakan penulisan al-Quran Braille Gred 2, sedangkan proses pengajaran menggunakan al-Quran Braille yang diterbitkan PERTIS menggunakan Gred 1. Sehubungan itu, GPI bergantung kepada pembelajaran sendiri, pengalaman dan ilmu yang dikongsikan oleh guru-guru senior supaya dapat melaksanakan objektif pengajaran al-Quran dengan berkesan (Norakyairee et al., 2013).

2.4.5 Daya Sensitiviti Jari

OKU MP bergantung sepenuhnya kepada deria sensitiviti jari mereka dalam mempelajari dan membaca al-Quran. Tanpa deria ini, mereka tidak akan dapat membaca al-Quran Braille. Namun begitu, terdapat sesetengah pelajar di Kompleks MAB yang mempunyai masalah kekurangan daya sensitiviti jari. Ini disebabkan oleh faktor usia pelajar tersebut. Para pelajar yang mengikuti pengajian al-Quran Braille di Kompleks MAB ini terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan majoritinya adalah golongan veteran dan berusia lanjut. Mereka mengambil masa untuk menyentuh satu

persatu huruf, perkataan atau baris ayat al-Quran kerana otak mereka tidak dapat memproses huruf tersebut walaupun huruf itu pernah dijumpai dan dibaca sebelum ini. Namun begitu, jika mereka tidak dapat mengenal huruf tersebut, guru perlu menggunakan kaedah alternatif lain, iaitu “kaedah hafalan” (Hidayati Hairul et al., 2022 & Ahmad Yunus, 2016). Berikut adalah gambaran isu dan cabaran guru al-Quran Braille ini dapat dirumuskan seperti rajah di bawah.



Rajah 2.2: Isu dan Cabaran Guru al-Quran Braille

2.5 Modul Pengajaran

Maksud modul ialah suatu unit atau bahagian yang lengkap dengan komponen-komponen dan fungsinya yang tertentu yang dapat dihubungkan ke unit lain yang lebih besar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Takrif ini turut disokong oleh Sharifah Alwiyah (1991), modul ialah unit kecil yang lengkap dan ia berkait antara unit-unit kecil yang lain. Modul dibahagikan kepada empat jenis iaitu modul pengajaran, modul motivasi, modul latihan dan modul akademik (Jamaludin Ahmad, 2002).

Secara umumnya, modul dapat diklasifikasi kepada dua jenis iaitu; pertama, modul yang berpandukan fasilitator atau guru dikenali sebagai modul latihan dan modul motivasi. Kedua, jenis modul yang tidak memerlukan bantuan fasilitator atau guru dikenali sebagai modul pengajaran dan modul akademik. Seseorang itu dapat mempelajari secara sendiri apabila menggunakan modul tersebut (Sidek & Jamaludin, 2005). Oleh demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada modul pengajaran.

Modul pengajaran ialah suatu modul yang lengkap dengan kandungan pengajaran dan strategi tindakan. Oleh itu, guru dapat melaksanakan gerak kerja bersama melalui cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Malah, ia juga adalah satu set pakej PdP yang lengkap dan padat termasuk objektif pengajaran, bahan pembelajaran dan aktiviti penilaian serta arahan prosedur yang sistematik. Pelajar boleh menguasai sesuatu unit pembelajaran secara berperingkat dengan mengikuti langkah demi langkah dan dapat melaksanakannya secara individu (Chong Sui Lian, 1998). Modul yang membincangkan topik-topik tertentu secara sistematik dan berturutan akan memudahkan pelajar mempelajari secara sendiri serta membolehkan mereka menguasai unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek & Jamaludin, 2005).

2.5.1 Modul dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Modul ialah alat sokongan penting untuk pengajaran yang menyediakan kandungan kursus selaras dengan kurikulum yang ditetapkan (Ahmad Jalaluddin, 2013). Berorientasikan modul, proses pengajaran dan proses pembelajaran dijalankan dengan teratur dan tersusun. Seperti yang kita semua ketahui, modul ini mempunyai pelbagai kegunaan. Ini kerana modul tersebut merupakan sumber alat, bahan serta

direka untuk membantu pelajar memahami kursus yang mereka pelajari (Sidek & Jamaludin, 2005). Pelajar dapat mempelajari suatu pelajaran dengan pelbagai cara dan memilih media yang mereka suka dan sesuai untuk memahami sesuatu pelajaran (Chandika, 2003).

Menurut Mohd Sidek Noah (2005), pengajaran modular akademik telah dijalankan di sekolah-sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Modul-modul ini membantu guru dalam pengajaran suatu topik melalui pelbagai aktiviti berstruktur untuk mencapai matlamat pembelajaran. Penggunaan modul juga dapat menarik minat pelajar dalam sesi pdp dan memupuk keyakinan dalam diri pelajar. Lebih menarik, ia mampu mencukil bakat kemampuan, kepemimpinan dan sikap bekerjasama dalam kalangan pelajar. Impak positifnya, aspek keperibadian pelajar dan prestasi akademik para pelajar dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Burn (1971) menukilkan kalam Chandrika (2003) yang mengatakan bahawa pembelajaran modul bertujuan menyediakan pilihan dalam pelbagai topik dalam suatu subjek. Di samping itu, pembelajaran modular juga akan membolehkan pelajar memilih kaedah pembelajaran yang paling sesuai bagi menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan dapat merangsang pembelajaran pelajar melalui pelbagai aktiviti seperti membaca teks, mendengar rakaman dan memeriksa gambar. Menurut Sharifah Alwiyah (1981), modul dapat digunakan dalam pelbagai situasi antaranya digunakan sebagai bahan bantu mengajar semasa sesi PdP, sebagai pengajaran pemulihan, menetapkan kebolehan yang sama pada fasa awal sebelum memulakan pembelajaran yang lain dan memberi pendidikan kepada pelajar yang tidak dapat hadir atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

Antara kelebihan penggunaan modul dalam pembelajaran adalah mampu

menyediakan pengalaman secara khusus dan berkesan kepada pelajar. Ini disebabkan penglibatan pelajar secara langsung dalam bahan pembelajaran. Kaedah penggunaan modul juga menekankan konsep pembelajaran sendiri iaitu guru hanya berperanan sebagai fasilitator sahaja (Brown et al., 1997). Modul seharusnya mempunyai unit kemahiran yang hendak disampaikan terutamanya isi kandungan yang dibantu oleh media massa lain (Meyer, 1979). Menurut Heinich et al. (1996), penggunaan modul mempunyai kelebihan yang tersendiri antaranya digunakan pada bila-bila masa, bersifat fleksibel, mesra pengguna dan menjimatkan kos dan masa.

Kesimpulannya, penggunaan modul ini adalah bersifat fleksibel yang boleh digunakan oleh semua pelajar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Menariknya, ia membantu dan menarik minat pelajar dalam pembelajaran (Mohd Puzhi, 2007). Jesteru, cenderung di sini bahawa modul adalah salah satu bahan PdP yang penting dan berkesan dalam sesi PdP.

2.5.2 Ciri-Ciri Modul yang Baik

Modul adalah bahan pengajaran yang sesuai dan berkesan bagi pelajar dalam mempelajari sesuatu subjek. Sharifah Alwiyah (1981) menyatakan bahawa modul PdP mempunyai ciri tersendiri. Antara elemen yang perlu didapati dalam sesebuah modul adalah:

1. Pengguna sasaran

Sesebuah modul yang dihasilkan tidak kesemuanya boleh digunakan oleh semua peringkat pelajar bermula peringkat sekolah sehingga universiti. Setiap modul akan memfokuskan kepada satu golongan atau sekumpulan pelajar yang hampir sama dengan dari segi kemampuan, penguasaan sesuatu dan sifat lain yang penting.

2. Mempunyai konsep dan matlamat yang jelas

Modul ialah satu unit yang kecil yang memuatkan hanya beberapa idea atau perkara di dalamnya. Di permulaan modul telah menyenaraikan beberapa objektif yang akan diperolehi pelajar setelah mengikuti modul. Pernyataan ini berbentuk objektif tingkah laku yang dapat dilihat dan dinilai.

3. Bahan yang berkaitan

Bahan atau kandungan yang mengandungi semua penjelasan yang dicatat secara bertulis dan tidak bertulis. Semua penjelasan adalah untuk mencapai objektif yang dinyatakan di permulaan modul.

4. Pelbagai media

Penentuan media yang digunakan dalam modul adalah mengikut kepada keperluan dan prasyarat sasaran modul. Penggunaan media perlu berdasarkan pada penyusunan modul dan tidak meletakkan penambahan media yang tiada keperluan.

5. Panduan lengkap atau tambahan

Modul adalah bahan tambahan yang boleh digunakan untuk membantu seseorang mengetahui lebih lanjut tentang topik tertentu. Ia juga boleh digunakan untuk keseluruhan kelas.

6. Latihan pengukuhan yang lengkap

Latihan yang diberikan lengkap dengan konsep, kemahiran dan lain-lain. Ia adalah bagi mengukuhkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik yang dibincangkan.

7. Penilaian

Kefahaman pelajar dinilai berdasarkan objektif modul. Dalam bahan pembelajaran modul, ujian awal, ujian akhir dan ujian individu menggunakan penilaian ini.

8. Ujian kebolegunaan

Modul yang dibina perlu diuji penggunaannya pada kumpulan pelajar yang telah ditentukan. Setelah diuji, pembaikan dapat dibuat sehingga modul akan lebih berkesan bagi mencapai objektif modul.

Nielson & Sondergaard (2000) dan Syazwani Azmi et al. (2018) juga membahaskan beberapa ciri bagi menentukan kebolegunaan sesuatu aplikasi atau modul iaitu dalam aspek keberkesanan, kepuasan pengguna, mudah diguna dan mudah dipelajari. Selain itu, kebolegunaan juga merangkumi aspek seperti reka bentuk, kadar capaian, teknikal dan kepuasan pengguna (Fetaji, 2008). Dan akhir sekali, bagi mengukur potensi keberkesanan pula, ia perlu dinilai melalui aspek kebergunaan, fleksibiliti, persembahan dan penilaian (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Oleh itu, modul yang berkualiti perlu mempunyai beberapa elemen di atas dan perlu melakukan penilaian kebolegunaan terhadapnya.

2.5.3 Bahan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran Braille

Berikut adalah beberapa bahan modul yang telah diterbitkan oleh beberapa organisasi dari dalam dan negara luar untuk dijadikan panduan PdP al-Quran Braille.

Antara modulnya adalah;-

1. Panduan Membaca Al-Quran Braille

Buku Panduan Membaca al-Quran Braille terbitan KL Braille Resources pada tahun 2015 oleh Sumairi Zainol. Buku panduan ini mempunyai 29 halaman, dibahagikan kepada 23 topik, merangkumi kemahiran asas yang diperlukan untuk membaca al-Quran Braille. Manakala, penulisan yang digunakan adalah tulisan Rumi Braille Bahasa Melayu Grade 1. Ia dimulakan dengan pengenalan kepada 36 huruf *hija'iyah* dan diikuti dengan pengenalan kepada tanda-tanda bacaan. Buku ini juga menerangkan fungsi huruf-huruf yang digunakan selain daripada huruf-huruf *hija'iyah* dan tanda-tanda *Waqaf* yang terdapat di dalam al-Quran Braille. Pada bab terakhir buku ini disertakan latihan dan beberapa ayat al-Quran sebagai praktikal kepada kemahiran-kemahiran yang diperkenalkan (Sumairi Zainol, 2015).

Dari segi penggunaannya, buku ini masih belum meluas kegunaannya dalam kalangan pembaca al-Quran Braille. Ini kerana, buku ini hanya mempraktikkan kemahiran asas sahaja berkaitan al-Quran Braille dan tidak termasuk hukum tajwid. Oleh itu, ia sesuai digunakan bagi pelajar di peringkat permulaan (Mohd Nur Adzam et al., 2021).

2. Qaedah Asas Mengenal Huruf-Huruf dan Baris-Baris al-Quran Braille

Buku *Qaedah Asas Mengenal Huruf-Huruf dan Baris-Baris Al-Quran Braille* terbitan PERTIS yang dicetak pada tahun 2017. Buku ini ditulis sebagai panduan kepada pengguna dalam mengenali huruf-huruf dan sebahagian daripada tanda baca-tanda baca yang terdapat di dalam al-Quran Braille. Buku ini ditulis dengan tulisan Braille Grade 1 Bahasa Melayu. Ia mengandungi 12 muka surat yang menyajikan empat pelajaran iaitu pengenalan kepada huruf-huruf *hija'iyah*, pengenalan kepada baris-baris dan beberapa tanda asas yang digunakan di dalam al-Quran Braille, huruf-

huruf rumi dan kod-kod nombor dalam tulisan Braille (Qaedah Asas Mengenal Huruf-huruf dan Baris-baris al-Quran Braille , 2017).

Buku ini telah digunakan dalam satu program anjuran Pusat OKU Langat dan tenaga pengajarnya adalah Zamzuri Ghani, Naib YDP PERTIS pada ketika itu. Program pengenalan dan pengajaran al-Quran Braille yang telah diadakan di beberapa lokasi sekitar Bangi pada tahun 2017 (Mohd Nur Adzam et al., 2021).

3. Buku Pedoman Membaca dan Menulis al-Quran Braille

Buku *Pedoman Membaca dan Menulis al-Quran Braille* diterbitkan pada tahun 2011, dijadikan panduan kepada para penerbit dan pentashih al-Quran Braille di Indonesia bagi menerbitkan al-Quran Braille mengikut standard yang ditetapkan. Cetakan pertamanya adalah pada bulan Jun tahun 2011 oleh Lajnah Pentashih Mashaf al-Quran (Indonesia). Buku pedoman ini mempunyai tiga bab iaitu merangkumi pengenalan buku, kaedah-kaedah membaca dan menulis al-Quran Braille dan format penulisan al-Quran Braille (*Pedoman Membaca Dan Menulis Al-Qur'an Braille*, 2011).

4. Arab Braille Sam'an

Buku *Kaedah Arab Braille Sam'an* diterbitkan dalam dua format, iaitu edisi Roman bercetak dan edisi tulisan Braille. Metode ini disusun oleh Ridwan Effendi (ketua Yayasan Sam'an Netra Mulia) dan Ahmad Solihin. Ia diterbitkan oleh Lughowiyapress pada tahun 2015. Seterusnya, buku ini ditranskripsikan ke dalam tulisan Braille oleh Yayasan Raudhatul Makfufin di Bandung, Indonesia. Kaedah ini dipanggil Arab Braille Sam'an iaitu kaedah mudah untuk belajar membaca al-Quran Braille. Buku ini terbahagi kepada tiga bab iaitu bab pertama adalah pengenalan

kepada huruf *hija'iyah* dan tanda bacaan. Bab kedua pula adalah mengenai kemahiran membunyikan huruf-huruf tersebut dan akhir sekali, bab ketiga membicarakan mengenai masalah bacaan yang melibatkan kaedah dan tanda baca yang agak rumit seperti *Lām Alif, Tanwīn Waṣal, Mad*, huruf-huruf yang ditulis tetapi tidak dibaca dan lain-lain lagi. Pada bahagian terakhir buku ini dilengkapi dengan latihan membaca (Ridwan Effendi & Ahad Solihin, 2015).

5. Noor al-Quran Braille Primer (Qaaida)

Modul yang diberi nama kaedah *Noor al-Quran Braille Primer* berasal dari Afrika Selatan. Ia digunakan oleh pelajar Madrasah An-Noor yang terdiri daripada pelajar OKU MP. Buku ini diterbitkan dalam tiga bentuk iaitu diterbitkan dalam versi tulisan biasa, versi tulisan Braille, dan versi *softcopy* yang dimuatkan di dalam Cakera Padat (Cd).

Modul pengajaran ini disusun dan dibahagikan kepada 32 bahagian. Model Noor al-Quran Braille Primer boleh dikatakan model yang agak lengkap dan mesra pengguna OKU MP dari segi kemahiran-kemahiran yang diterapkan. Namun begitu, terdapat beberapa ketidakseragaman dari sudut susunan *Rasm* dan *Dhabit* yang dapat dilihat dari perspektif al-Quran Braille terbitan PERTIS seperti fungsi huruf-huruf mad asli, tanda-tanda waqaf yang digunakan dan lain-lain lagi. Model ini disusun di dalam sebuah buku setebal 67 halaman muka surat (Mohd Nur Adzam, 2021).

6. Buku Iqra' Versi Braille dan Smart Iqra Braille

Buku Iqra' versi Braille ialah sebuah buku transkripsi daripada dokumen Teks Buku Iqra' kepada dokumen Iqra' Braille. Buku Iqra (Jilid 1-6) karangan K.H. As'ad Humam, Darul Fikir telah digunakan sebagai panduan metod pengajaran Modul al-

Quran di sekolah-sekolah di Malaysia. Oleh itu, proses transkripsi Iqra' Braille dijalankan dengan menggunakan perisian Duxbury Braille Translator (DBT), Kod al-Quran Braille Gred 1 dan Jawi Braille (Siti Rahmah et al., 2019).

Buku Iqra' Braille ini telah ditambah baik dalam bentuk data yang dinamakan sebagai *Smart Iqra Braille* dengan kerjasama USIM dan pasukan penyelidik Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka telah berjaya membangunkan panel eBraille al-Quran dan sekaligus mendapat pengiktirafan pingat Emas yang dipertandingkan di Inovasi Islam pada tahun 2014 (i-Inova'14), 26th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX2015) dan anugerah khas INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA) (Siti Rahmah et al., 2019). *Smart Iqra' Braille* mempunyai kemampuan untuk mengajar beberapa pelajar secara serentak dan juga sesuai digunakan oleh guru yang tidak mempunyai kemahiran dalam aplikasi Braille. Dengan menggunakan *Smart Iqra' Braille*, pelajar dapat belajar secara bebas di mana sahaja dan tidak lagi bergantung kepada pembelajaran di dalam kelas dengan bimbingan guru (Mahyuddin et al., 2012).

2.6 Penilaian Modul

Penilaian merupakan proses pengumpulan maklumat berkaitan kualiti projek. Hasil penilaian ini mempengaruhi keputusan dan digunakan sebagai langkah penambahbaikan (Newby et al., 2006). Oleh itu, bagi kajian ini iaitu penilaian modul menurut Sidek & Jamaludin (2005), mengambil pendapat Russell (1974) bahawa tujuan penilaian dibuat bagi mengukur keberkesanan dan kesempurnaan sesuatu modul. Impaknya, akan membantu melancarkan proses pdp dengan lebih berkesan (Ridzuan Ahmad, 1990) serta dapat memperbaiki mutu pengajaran (Abdullah Hassan,

1996).

2.6.1 Proses Penilaian

Penilaian ialah komponen penting untuk memastikan proses pendidikan berfungsi dengan baik. Menurut Ahmad Jalaluddin (2013), tujuan penilaian diperlukan bagi menentukan rujukan, pengadilan, pertukaran mahupun perbandingan.

Abdul Razak Abu menukilkan pendapat Azharudin (2005), telah menyenaraikan beberapa kriteria dalam penilaian modul iaitu; (1) tujuan buku ditulis, (2) kesesuaian kandungan, (3) pengolahan buku, (4) penggunaan bahan, (5) ilustrasi dan reka bentuk. Selain itu, Azharudin pula berpendapat bahawa sesuatu kriteria dalam penilaian perlu mengandungi lima aspek ini iaitu kandungan, persembahan, ilustrasi, latihan serta kemahiran berbahasa.

Manakala terdapat juga domain penilaian yang dibina oleh Ang Chai Tin dan Lee Lay wah (2016), menggambarkan suatu aspek kualiti modul pengajaran secara umum iaitu domain kualiti kandungan, domain potensi kandungan dan domain kepuasan keberkesanan keseluruhan. Kajian ini mengambil beberapa elemen penilaian di atas untuk diaplikasikan dalam kajian ini bagi memastikan MPQBM mencapai tahap kualiti yang baik dalam sebuah modul pendidikan.

2.7 Kajian Lepas

2.7.1 Pembelajaran Al-Quran Braille bagi Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan

Terdapat beberapa kajian yg dikenal pasti mengenai pembelajaran al-Quran Braille bagi OKU MP yang sesuai dijadikan rujukan dalam kajian ini. Antara kajian tersebut adalah kajian yg dijalankan oleh Zetty Nurzuliana et al. (2021) yang bertajuk

Penelitian Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Braille: Satu Analisis.

Kajian ini bertujuan menyelidiki kaedah PdP serta isu dan cabaran dalam pembelajaran al-Quran Braille bagi OKU MP. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis dokumen. Berdasarkan kepada penelitian terhadap beberapa dokumen kajian mendapati beberapa kaedah yang diaplikasi oleh guru dalam sesi PdP al-Quran Braille iaitu kaedah *talaqqi* dan *mushāfahah*, kaedah sentuhan dan visual, kaedah ulangan dan lain-lain lagi. Manakala, terdapat juga cabaran yang dihadapi mereka iaitu penguasaan pelajar terhadap huruf *hija'iyah*, penguasaan al-Quran Braille, aspek sokongan dan sebagainya. Oleh itu, cadangan keperluan pembinaan model PdP al-Quran Braille telah dibincangkan dalam kajian ini untuk meningkatkan sistem PdP al-Quran Braille untuk golongan OKU MP.

Selain itu, kajian oleh Noornajihan & Nur Atiqah (2018), mengenai faktor penguasaan pembelajaran al-Quran Braille OKU MP di SKPK Alma. Hasil kajian mendapati beberapa faktor yang mempengaruhi penguasaan pembelajaran OKU MP antaranya kekerapan pembacaan al-Quran, penggunaan BBM dalam PdP, kemudahan dan suasana pembelajaran serta komitmen pihak sekolah. Hasil penelitian ini memberi sumbangan dalam pembentukan model PdP al-Quran khusus untuk OKU MP. Oleh demikian, pendidikan al-Quran dapat disampaikan dengan sebaik mungkin bagi golongan OKU MP dengan menilai keperluan dan kaedah pengajaran yang sesuai bagi mereka.

Kajian oleh Ahmad Yunus (2016), yang bertujuan mengamati isu dan cabaran yang dihadapi dalam PdP al-Quran Braille dengan menjalankan satu kajian kes di Kompleks MAB, Brickfields, Kuala Lumpur. Kajian mendapati antara cabaran yang dihadapi dalam pengajaran adalah apabila berhadapan dengan pelajar yang tidak

menguasai kod al-Quran Braille, kekurangan tenaga pengajar serta keadaan kelas yang tidak sesuai. Manakala cabaran dalam pembelajaran pula adalah kekurangan daya sensitiviti jari dan masa pembelajaran yang terhad. Justeru itu, beberapa saranan dan cadangan penambahbaikan diutarakan dalam kajian ini bagi meningkatkan lagi kualiti proses PdP al-Quran Braille.

Kajian oleh Rabiatuladawiyah & Mohd Nizam (2020), turut mengemukakan isu yang hampir sama berkaitan Sorotan Literatur Sistemik Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran MBPK MaL. Kajian berkaitan Pembelajaran al-Quran dalam pendidikan khas masih kurang dan sangat terbatas. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh guru dalam memberi pendidikan kepada MBPK iaitu kurang pengetahuan dan kemahiran tentang pengajaran MBPK, tahap kesediaan guru dan kekangan masa pengajaran. Beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan untuk meningkatkan pembelajaran al-Quran khususnya dalam bidang pendidikan khas. Oleh itu, semua agensi dan komuniti perlu komited sepenuhnya untuk menyediakan pendidikan al-Quran kepada komuniti OKU.

Menurut kajian oleh Nik Ahmad Farid et al. (2023) berkaitan analisis tinjauan literatur sistemik mengenai isu dan cabaran dakwah kepada komuniti OKU. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menganalisis kandungan berpandukan tinjauan literatur sistemik sebagai landasan. Berfokuskan kepada OKU MP, dapatan kajian mendapati isu yang dihadapi apabila berhadapan dengan OKU MP adalah kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran MBPK MaL, kekurangan BBM, tahap kesediaan pelajar OKU MP dan masa yang terhad.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaporkan berkaitan OKU MP di atas, dapat dirumuskan bahawa salah satu cara untuk menangani isu dan cabaran

yang dihadapi mereka dalam mempelajari al-Quran adalah dengan menghasilkan modul pengajaran al-Quran Braille yang berkualiti dengan menilai kebolegunaan modul tersebut. Justeru itu, kajian ini mengetahui betapa pentingnya untuk dijalankan bagi memastikan MPQBM ini berkualiti serta dapat membantu meningkatkan tahap pendidikan OKU khususnya dalam pendidikan al-Quran.

2.7.2 Bahan Bantu Mengajar Al-Quran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Penglihatan

Dalam konteks pengajaran guru menurut Hajarul Bahti et al., (2010) mendapati bahawa penggunaan BBM serta kaedah PdP memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pencapaian MBPK. Menurut Soleh (2016), keberkesanan BBM dalam pengajaran telah dibincangkan oleh ramai sarjana pendidikan dan dapat dirumuskan bahawa BBM menyediakan satu asas yang kuat untuk sesuatu konsep sebagai daya penarik, menghasilkan pembelajaran yang lebih kekal, memberi pengalaman sebenar yang boleh merangsangkan aktiviti sendiri dalam kalangan murid, memberi pengalaman baharu dan menjadikan pembelajaran lebih mendalam dan seragam. Kajian Maimun et al. (2017), mendapati terdapat kajian berkenaan tahap keberkesanan kaedah PdP Pendidikan Islam dari segi kualiti BBM berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai min = 2.57 iaitu merangkumi penggunaan bahan rujukan atau sumber lain selain buku teks sebagai BBM. Selain itu, penggunaan teknologi seperti komputer juga mencatat nilai min yang sederhana rendah min = 2.11 (Ab. Halim et al., 2004). Peredaran masa dan kemajuan teknologi menuntut GPI untuk bersikap positif dalam menggunakan multimedia atau teknologi maklumat sebagai sebahagian daripada BBM. Penggunaan multimedia perlulah secara berhemah dan yang paling utama mencapai objektif pembelajaran dan bukan semata-

mata untuk keseronokan sahaja.

Selain itu, kajian berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu UMMI Maktum (UMMI) tulisan Siti Rahmah et al. (2019). Objektif kajian ini adalah untuk berkongsi pengalaman UMMI tentang isu-isu berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan menjelaskan peranan serta usaha UMMI dalam memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran. Beberapa inovasi yang telah dibangunkan oleh UMMI dalam pembelajaran al-Quran untuk OKU MP iaitu buku Iqra versi Braille dan Smart Iqra Braille, Perisian i-TALK PISMEN dan I-TALK PISKEB. Manakala, untuk OKU pendengaran iaitu I-Sign QurANIS, BIM Ibadah dan aplikasi Quran Isyarat. Malah, kajian ini juga membahaskan aspek PdP yang ditawarkan di USIM berkaitan pembelajaran Braille dan bahasa Isyarat. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat keperluan yang tinggi terutamanya dalam kalangan Universiti Awam (UA) untuk meningkatkan solidariti dan kebolehcapaian bagi OKU dalam menghayati kemukjizatan al-Quran dan memahami konsep indahnya hidup beragama.

Kajian Nur Atiqah & Noornajihan (2018), pula membincangkan penguasaan pembelajaran al-Quran menggunakan aplikasi multimedia interaktif Smart Iqra'. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan pembelajaran dalam kalangan MBPK MaL di SKPK Alma dengan menggunakan aplikasi multimedia interaktif Smart Iqra'. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan kaedah pemerhatian dan temu bual untuk menilai proses pembelajaran al-Quran bagi pelajar di SKPK Alma. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi Smart Iqra' memberi impak positif kepada pelajar terutamanya dalam sudut penguasaan bacaan al-Quran. Ia juga membantu guru dalam

merancang proses pengajaran dengan lebih berstruktur sekali gus menarik minat pelajar dalam mempelajari al-Quran.

Kajian yang dilakukan oleh Nurutthoilah (2020), juga berkaitan BBM OKU MP dalam pembelajaran al-Quran dengan menggunakan aplikasi i-TALK PISMEN. Terdapat pelbagai BBM yang tersedia di pasaran untuk murid tipikal tetapi tidak kepada MBPK MaL terutamanya dalam bidang pendidikan Islam. Hal ini telah menjejaskan prestasi dan rendahnya tahap kefahaman MBPK MaL dalam pembelajaran al-Quran. Maka, kajian ini dapat mengenal pasti BBM berbantuan media dalam pembelajaran al-Quran dan menilai kebolehgunaan i-TALK PISMEN terhadap MBPK MaL dari aspek isi kandungan, kebolehbelaian dan teknikal dalam pembelajaran al-Quran Tingkatan Satu. Hasil kajian menunjukkan bahawa i-TALK PISMEN sesuai digunakan dalam sesi pembelajaran di sekolah mahupun sendiri. Selain itu, guru juga dapat memahami keperluan pelajar yang mempunyai potensi yang berbeza-beza. Oleh itu, BBM ini berpotensi dijadikan sebagai rujukan para guru dalam usaha memberikan yang terbaik dalam proses PdP.

Manakala, kajian tinjauan buku MPQBM yang ditulis oleh Rahmah Hayati et al. (2023) bertujuan merungkai perkara yang dibincangkan di dalam modul ini. Hasil dapatan menunjukkan modul MPQBM membahaskan secara terperinci penulisan MQBM yang terkini dari perspektif *Rasm* dan *Dhabit* berdasarkan pendekatan Rasm Uthmani. Seterusnya, ia memperjelaskan mengenai kaedah umum penggunaan MQBM. Diharapkan kajian ini membantu memberikan pemahaman kepada para penyelidik dan guru al-Quran mengenai inovasi terbaru MQBM.

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Mohd Nur Adzam (2021) yang mengetengahkan dokumentasi ringkas mengenai kaedah dan modul pengajaran

tilawah al-Quran Braille bagi OKU MP serta berkongsi kesungguhan UMMI dalam mengkaji keunikan dalam proses pengajaran tilawah al-Quran Braille terhadap modul-modul yang sudah ada. Daripada hasil pemerhatian terhadap dokumen-dokumen tersebut, didapati bahawa terdapat keunikan yang perlu diperhatikan dalam penggunaan kaedah yang sesuai bagi meraikan kepelbagaian kemampuan dan kebolehbelaian OKU MP dalam mempelajari al-Quran, terutamanya dalam hal penerangan dan susunan bahan. Dengan maklumat yang diperolehi, dasar-dasar kaedah pembelajaran tilawah untuk OKU MP dapat dikenal pasti, selanjutnya ke arah usaha pengembangan modul yang lebih lengkap sebagai suatu sumbangan terkini dalam bidang tilawah al-Quran, terutamanya kepada komuniti OKU MP.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dipaparkan berkaitan BBM di atas, kajian ini mendapati bahawa kajian-kajian berkaitan modul al-Quran Braille adalah sangat terhad. Walaupun terdapat beberapa kajian berkaitan BBM untuk OKUMP, namun masih belum lagi kajian penilaian dilakukan terhadap MPQBM. Penilaian ini penting bagi memastikan ianya memenuhi piawaian ciri-ciri modul OKU MP supaya pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Hal ini menyokong pengkaji untuk menjalankan kajian ini bagi menilai MPQBM yang telah dibangunkan.

2.7.3 Penilaian Modul

Beberapa kajian yang telah dilakukan berkaitan penilaian modul. Antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Surina Akmal (2015), bertajuk *Penilaian Terhadap Kebolehgunaan Aplikasi M-Solat dalam Pembelajaran Pendidikan Islam*. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik untuk menilai kebolehgunaan aplikasi M-Solat dalam aspek isi kandungan, teknikal, kepuasan pengguna dan keboleh belajaran. Dapatan kajian

menunjukkan bahawa responden bersetuju aplikasi ini mempunyai reka bentuk yang bersesuaian, isi kandungan menepati konsep m-pembelajaran, bebas daripada masalah teknikal, memenuhi kepuasan pengguna dan kebolehbelaian. Tambahan pula, responden juga bersetuju bahawa aplikasi ini boleh dijadikan bahan bantu pembelajaran kepada pelajar dalam memahami tajuk Solat Jamak dan Qasar dengan lebih mendalam. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul yang dibangunkan menepati keperluan pengguna terutamanya dalam aspek kebolegunaannya.

Selain itu, kajian Kusom Yamirudeng (2018) berkaitan Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Kursus bahasa Melayu Elektif. Kajian tersebut dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Fasa Satu: Analisis Keperluan, Fasa Dua: Reka bentuk dan Pembangunan Modul, Fasa Tiga: Penilaian terhadap kebolehlaksanaan modul. Dalam konteks penilaian, seramai 40 orang yang terlibat terdiri daripada pelajar dan pensyarah. Ujian penguasaan bahasa Melayu, borang penilaian modul, komen bersemuka dan protokol temu bual digunakan sebagai instrument kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa skor penilaian modul dalam keadaan yang baik dan disarankan agar modul perlu ditambah baik.

Manakala, kajian bertajuk *Pembangunan Modul m-Pembelajaran bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru* oleh Amani Dahaman @ Dahlan (2014). Kajian ini adalah bagi mengetahui keperluan untuk Modul m-pembelajaran bahasa Arab (M-Mu'allim), mereka bentuk dan membangunkan modul serta menilai penggunaannya di Institut Pendidikan Guru (IPG). Model Penilaian Kepenggunaan TUP akan digunakan sebagai asas untuk menilai kepenggunaannya (Bednarik, 2002). Hasil temu bual bersama pensyarah dan pelajar menunjukkan bahawa mereka berpuas hati dengan penggunaan modul M-Mu'allim dari segi teknologi mudah alih,

kepenggunaan web M-Mu'allim dalam pembelajaran. Dalam pembelajaran IPG, kebanyakan mereka berpendapat bahawa teknologi komputer mudah alih adalah pilihan yang lebih baik daripada telefon mudah alih.

Selain itu, kajian yang dilakukan Nazuha Beevi dan Nordin (2019), berkaitan Kebolegunaan Modul Latihan untuk Meningkatkan Efikasi Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak dalam Mengajar bahasa Inggeris. Objektif kajian ini adalah untuk menilai kebolegunaan modul latihan dari sudut pandangan guru dan fasilitator. Modul ini dinilai dari segi kelebihan, kelemahan dan penambahbaikan modul. Hasil dapatan menunjukkan antara respon guru tentang kelebihan modul adalah perubahan dalam kepribadian guru, peningkatan pengetahuan dan kemahiran, pengajaran lebih menarik serta perkembangan emosi guru. Manakala, kelemahan modul pula adalah penambahan daripada sudut aktiviti praktikal dan masa yang diperlukan. Seterusnya, respon daripada fasilitator tentang kelebihan modul adalah kesesuaian modul, peningkatan pengetahuan dan kemahiran serta mudah diikuti dan menarik. Walau bagaimanapun, kelemahannya berkaitan dengan tanggungjawab dalam menyelesaikan tugas-tugas tertentu. Cadangan modul telah diberikan berkaitan dengan aspek implementasi modul itu sendiri. Oleh itu, hasil penyelidikan ini dapat memberikan sumbangan dalam latihan bagi guru pendidikan awal kanak-kanak untuk meningkatkan profesionalisme mereka dalam mengajar bahasa Inggeris.

Akhir sekali, kajian daripada Ang Chai Tin (2014), bertajuk *Pembinaan Modul Pendidikan Seksualiti Masalah Pembelajaran (MPSMP) Peringkat Menengah: Satu Kajian Berdasarkan Analisis Keperluan*. Kajian ini mempunyai dua tujuan utama iaitu; pertama, melakukan analisis keperluan daripada perspektif guru dan ibu bapa berkaitan keperluan pendidikan seksualiti dalam konteks masalah pembelajaran serta

mengenal pasti isi kandungan yang sesuai dipraktikkan ke dalam modul tersebut. Tujuan kedua adalah proses pembangunan modul dan penilaian daripada sudut kualiti modul dan penerimaan sosial terhadap modul ini. Kaedah analisis data yang digunakan dalam penyelidikan ini meliputi analisis deskriptif, analisis faktor, Khi kuasa dua, Spearman Rank Order, ANOVA, MANOVA, serta analisis kualitatif. Melihat kepada aspek penilaian, modul ini dinilai dari segi kualiti modul (kandungan, potensi keberkesanan dan kepuasan keseluruhan) dan penerimaan sosial oleh 85 orang guru dan 59 orang ibu bapa. Dapatan menunjukkan MPSMP peringkat menengah telah dianggap berkualiti dan diterima oleh guru dan ibu bapa.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibahaskan berkaitan penilaian modul di atas, kajian ini merumuskan bahawa terdapat banyak kajian penilaian yang dijalankan ke atas modul dengan mengikut matlamat dan kesesuaian modul tersebut. Namun demikian tiada kajian-kajian menyentuh penilaian MPQBM. Oleh demikian, pengkaji mengambil tanggungjawab untuk melakukan penilaian MPQBM dengan menghasilkan satu teori bagi memenuhi kesesuaian MPQBM. Malah, teori penilaian MPQBM dijalankan adalah kajian terawal yang belum pernah dijalankan terhadap guru al-Quran Braille di Malaysia.

2.8 Penutup

Bab ini telah membincangkan mengenai tinjauan literatur berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji. Perbincangan di dalam bab ini memfokuskan kepada perkembangan al-Quran Braille di Malaysia yang merangkumi pembelajaran al-Quran Braille dalam kalangan OKU MP secara keseluruhan. Manakala, penilaian modul juga telah dibahaskan dalam bab ini. Seterusnya, beberapa penyelidikan lepas

mengenai kajian yang berkaitan turut dibincangkan bagi menyokong kajian ini. Namun, masih kurang kajian yang dibuat yang memfokuskan kepada MPQBM yang ingin dinilai. Diharapkan kajian literatur ini dapat membantu pembaca memahami latar belakang kajian yang dijalankan dengan lebih jelas.

